

07 MAY 1996

MAS AEROTECHNOLOGIES, GALAKAN UNTUK INDUSTRI ANGKASA

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Dalam langkah berani ke arah mengangkat industri angkasa Malaysia yang masih muda ke tahap lebih tinggi, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) hari ini dengan rasminya melancarkan MAS Aerotechnologies Sdn Bhd.

Penubuhan MAS Aerotechnologies adalah satu usaha untuk mempercepatkan tahap kemajuan industri penerbangan dan angkasa Malaysia, pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli berkata pada pelancaran itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan syarikat itu, dahulunya bahagian kejuruteraan MAS, di Subang, dekat sini.

"Anak syarikat baru kami, MAS Aerotechnologies, akan mempercepatkan perkembangan perkhidmatan kami melampaui penyenggaraan dan baikpulih ke dalam pelbagai perkhidmatan dan produk yang luas," kata Tajudin.

Syarikat itu akan mencapai ini dengan menggabungkan kemahiran kakitangan yang terlatih dengan beberapa teknologi yang paling canggih yang diperolehi untuk membina satu landasan yang padu bagi pembangunan industri penerbangan dan angkasa.

Keupayaannya menservis pesawat Boeing 737, yang mana MAS adalah pengusaha terbesar di luar Amerika Syarikat, memang diakui di dunia.

MAS Aerotechnologies berharap mencapai hasil RM1 bilion menjelang tahun 2000.

Tajudin juga berkata teknologi akan menjadi komoditi yang akan membantu mendorong ekonomi masa depan dan pemilik-pemilik dan pereka-pereka teknologi akan menggunakannya untuk mempertingkatkan daya persaingan global mereka.

Maka, terdapat keperluan untuk menggalakkan lebih banyak proses pengeluaran bersepadu melalui pengukuhan rantaian antara industri, tambahnya.

Tajudin berkata MAS akan terus menggunakan Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang selepas siap Lapangan terang Antarabangsa KL di Sepang.

"Beberapa aktiviti kami, termasuk penyenggaraan berat dan latihan teknikal para jurutera dan kakitangan teknikal kami, akan terus dikendalikan di Subang," tambahnya. -- BERNAMA

JSM OS SIA